



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 112 BIL 38/2023**

**PENGAKTIFAN KAD DEBIT-I RHB MY SISWA & AKAUN SIMPANAN-I PRO RHB
SERTA TINDAKAN BAGI PELAJAR BERSTATUS GAGAL BAYAR PTPTN**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sepertimana sedia maklum, pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa sedang giat dilaksanakan dan meliputi keseluruhan mahasiswa di semua Universiti Awam (UA) serta melibatkan penyaluran kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN kepada mahasiswa terlibat. Penyaluran kemudahan Pinjaman PTPTN kepada peminjam bagi mahasiswa baharu dan sedia ada di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah akan menggunakan bank pembayar RHB BANK bermula September 2023.


Dilampirkan bersama adalah poster pengaktifan Kad/Akaun Simpanan-i Pro RHB serta Panduan Tindakan Bagi Mahasiswa Berstatus Gagal Bayar untuk makluman serta rujukan semua mahasiswa UMPSA.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


‘Teknologi Untuk Masyarakat’


Azle bin Abd Ghalim
Ekskutif Kanan
Unit Pembiayaan, Kebajikan dan Disiplin Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumn



Perhatian !

Aktifkan Kad Debit-i RHB MySiswa & Akaun Simpanan-i Pro RHB* anda di cawangan RHB berdekatan **DENGAN SEGERA** untuk menikmati promosi eksklusif dan menerima wang PTPTN sekiranya anda adalah penerima PTPTN.



*Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Untuk info dan promosi, layari www.rhbgroup.com/uni

Ahli PIDM

RHB Islamic Bank Berhad 200501003283 (680329-V)

PEMBAYARAN PTPTN: Panduan Tindakan Bagi Pelajar Berstatus Gagal Bayar

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Pemakluman status gagal bayar kepada pelajar melalui emel	PTPTN
2.	<p><u>Pelajar TIADA Akaun Simpanan-i Pro RHB (atau akaun sedia ada telah ditutup / “auto-closed”)</u> - Pelajar perlu hadir ke mana-mana Cawangan RHB seluruh negara dengan membawa bersama dokumen di bawah untuk proses pembukaan Akaun Simpanan-i Pro RHB</p> <p>Jika anda berumur 18 tahun dan keatas: i. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera) ii. Surat Tawaran dari Universiti / Surat Pengesahan Pelajar</p> <p>Jika anda berumur di bawah 18 tahun: i. Sijil Kelahiran asal ii. Kad Pengenalan asal iii. Surat Tawaran dari Universiti / Surat Pengesahan Pelajar</p> <p><u>Nota Penting:</u> Anda perlu ditemani oleh Ibu Bapa atau Penjaga untuk proses pembukaan akaun. Jika anda tidak ditemani oleh ibu atau bapa, anda perlu ditemani oleh Penjaga dan membawa bersama dokumen sokongan sebagai bukti hubungan; contoh Surat Kuasa Penjaga atau lain-lain dokumen yang berkenaan.</p>	PELAJAR
3.	<p><u>Pelajar BELUM MENGAKTIFKAN Akaun Simpanan-i RHB Pro</u> - Pelajar perlu hadir ke mana-mana Cawangan RHB seluruh negara dengan membawa bersama dokumen di bawah untuk proses pengaktifan Akaun Simpanan-i Pro RHB:</p> <p>i. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera) ii. Kad Debit-i RHB MySiswa (Jika ada)</p>	PELAJAR
4.	<u>Pemakluman nombor Akaun Simpanan-i Pro RHB terkini</u> kepada pihak IPT/PTPTN untuk tujuan kemaskini (pelajar berkait Bil 2. dan 3.)	PELAJAR
5.	<u>Pembayaran semula</u> / seterusnya kepada Akaun Simpanan-i Pro RHB yang telah Berjaya dibuka/ dan diaktifkan (Proses Pembayaran di PTPTN akan dilakukan pada 16hb & 30hb setiap bulan)	PTPTN
6.	<p><u>Pelajar TIDAK DIBENARKAN MEMBUKA Akaun Simpanan-i Pro RHB</u> - RHB akan menghantar surat makluman rasmi kepada pelajar yang terlibat - Pelajar untuk maklumkan kepada PTPTN/IPT berkenaan status 'Tidak Dibenarkan Membuka Akaun' - PTPTN untuk menyalurkan bayaran melalui proses pembayaran alternatif</p>	<p>RHB PELAJAR</p> <p>PTPTN</p>

NOTA: Akaun Simpanan-i Pro RHB / RHB Pro Savings Account-i